

813 WARGA EMAS, OKU TERIMA BANTUAN PRIHATIN PAHANG BERJUMLAH RM203,250 DI RAUB

KUANTAN, 17 JULAI 2021 : Sebanyak 813 warga emas berusia 80 tahun ke atas dan Orang Kurang Upaya (OKU) di daerah Raub menerima sumbangan Bantuan Prihatin Pahang (BPP) berjumlah RM203,250 daripada Kerajaan Pahang.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Batu Talam yang juga Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang, YB. Dato' Abd Aziz Haji Mat Kiram berkata setiap penerima mendapat sumbangan berjumlah RM250 setiap seorang.

“Bayaran diberikan secara tunai kepada 60 penerima bantuan yang berumur 80 tahun keatas dan 30 penerima OKU yang melibatkan kawasan Dun Batu Talam hari ini.

“Manakala baki penerima pula akan menerima bayaran yang akan dikreditkan ke dalam akaun penerima itu sendiri,” katanya.

Beliau berkata pihaknya turut menyampaikan Program Bantuan Laptop Kerajaan Negeri Pahang kepada para pelajar yang akan menduduki peperiksaan penting tahun ini.

“Sebanyak 40 orang penerima komputer riba di seluruh Raub yang merupakan anak kepada penerima Bantuan Kanak- Kanak JKM.

“Mereka ini dipilih berdasarkan mereka akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan 20 penerima terdiri daripada pelajar di DN Batu Talam,” katanya.

Menurut beliau lagi, pihaknya turut menyampaikan bakul makanan dibawah Program Prihatin Pahang 2.0 kepada penduduk kampung bagi membantu sedikit sebanyak mereka yang terkesan.

“Saya menyampaikan bakul makanan ini di Masjid Kampung Kundang Patah, Balairaya Kampung Kuala Semantan, Balairaya Kampung Gesing dan Surau RRM Cheroh 3.

“Bakul makanan ini saya serahkan kepada ketua kampung masing-masing dan ia kemudiannya akan diagihkan kepada semua penduduk kampung,” katanya.

Beliau berharap semua bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Pahang ini akan memberi manfaat kepada para penerima. – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

**#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo**

Oleh : Ain Nadhirah Basha

(LIPUTAN BERGAMBAR)

